

# 'Pendedahan bukan propaganda politik

BH 16 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan, pendedahan Umno mengenai buku tulisan Pas yang mendakwa Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam pertama, bukan satu propaganda politik.

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata tindakan pemimpin Pas mempersoalkan kenapa buku bertajuk **Islam Optimis Melangkah ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?** itu diperoleh oleh pemimpin Umno lebih awal sedangkan ia belum dijual di pasaran, sebagai pembohongan.

"Buku itu sudah pun tersebar di merata tempat. Buku itu ada gambar (tiga pemimpin utama Pas) selain ada amanat (Presiden Pas) Datuk Fadzil Nor (pada kulit belakang).

"Pada Pas, semua ini tak betul, rekaan kita (Umno). Terimalah kadang-kadang...sekali-sekala terimalah. Yang salah itu, salah, mengakuiah. Itulah sebaik-baik-

nya cara Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar kebatinan serantau, di sini.

Pendedahan mengenai kandungan buku itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu dan keesokan harinya diserahkan oleh Abdullah kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk penelitian lanjut sebelum sebarang tindakan diambil.

Tinjauan **Berita Harian** mendapati, buku itu sudah berada di pasaran dan dijual secara terbuka di seluruh negara sejak sebulan lalu, sekali gus menafikan persoalan yang ditimbulkan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bagaimana buku itu boleh diperoleh pemimpin Umno.

Menteri Besar Kelantan itu juga menyifatkan dakwaan Pas menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku itu sebagai 'sandiwaranya Umno'.

Bagaimanapun, Abdullah menolak dakwaan pemimpin Pas itu sambil mengajukan persoalan kepada parti terbabit dengan berkata: 'Propaganda apa...siapa buat buku itu? Buku ini siapa tulis?'.

Ditanya mengapa KDN tidak terus mengharamkan buku itu sedangkan ia jelas menghina Rasulullah, beliau berkata ia perlu dihalusi oleh pihak yang berkenaan sebelum keputusan dibuat.

"Tunggulah, kerana perkara ini perlu dihalusi oleh pihak yang berkenaan untuk kita buat satu keputusan. Biar dia orang buat siyasatan, biarlah mereka tahu siapa semua orang yang berkenaan," katanya.

Difahamkan, bahagian kawalan penerbitan KDN sudah menyerahkan buku tulisan Ibnu Daulah itu kepada Pusat Islam Rabu lalu bagi mendapat pandangan pakar.

Keputusan sama ada untuk mengharamkannya atau tidak, dijangka diketahui dalam masa dua minggu lagi.